

# PERLEMBAGAAN

Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air



# Jadual Kandungan

<b>FASAL 1</b>	<b>NAMA PERTUBUHAN</b>	<b>1</b>
<b>FASAL 2</b>	<b>PEJABAT BERDAFTAR</b>	<b>1</b>
<b>FASAL 3</b>	<b>COGAN PERJUANGAN</b>	<b>1</b>
<b>FASAL 4</b>	<b>LAMBANG DAN BENDERA</b>	<b>2</b>
<b>FASAL 5</b>	<b>TUJUAN / MATLAMAT</b>	<b>3</b>
<b>FASAL 6</b>	<b>KEAHLIAN</b>	<b>5</b>
<b>FASAL 7</b>	<b>BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN</b>	<b>6</b>
<b>FASAL 8</b>	<b>PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI</b>	<b>6</b>
<b>FASAL 9</b>	<b>REKOD DAFTAR AHLI</b>	<b>7</b>
<b>FASAL 10</b>	<b>PERSIDANGAN PERWAKILAN</b>	<b>8</b>
<b>FASAL 11</b>	<b>JAWATANKUASA EKSEKUTIF PUSAT</b>	<b>11</b>
<b>FASAL 12</b>	<b>TUGAS PEGAWAI PUSAT</b>	<b>13</b>
<b>FASAL 13</b>	<b>JURUAUDIT</b>	<b>15</b>
<b>FASAL 14</b>	<b>HARTA DAN PEMEGANG AMANAH</b>	<b>15</b>
<b>FASAL 15</b>	<b>JAWATANKUASA KEWANGAN</b>	<b>17</b>
<b>FASAL 16</b>	<b>JAWATANKUASA DISIPLIN</b>	<b>18</b>



<b>FASAL 17</b>	<b>JAWATANKUASA KEAHLIAN</b>	<b>21</b>
<b>FASAL 18</b>	<b>JAWATANKUASA PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA</b>	<b>21</b>
<b>FASAL 19</b>	<b>PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN</b>	<b>22</b>
<b>FASAL 20</b>	<b>MESYUARAT CAWANGAN</b>	<b>23</b>
<b>FASAL 21</b>	<b>JAWATANKUASA CAWANGAN</b>	<b>25</b>
<b>FASAL 22</b>	<b>TUGAS PEGAWAI CAWANGAN</b>	<b>26</b>
<b>FASAL 23</b>	<b>KEWANGAN CAWANGAN</b>	<b>26</b>
<b>FASAL 24</b>	<b>PERUNTUKAN AM MENGENAI CAWANGAN</b>	<b>27</b>
<b>FASAL 25</b>	<b>GABUNGAN</b>	<b>28</b>
<b>FASAL 26</b>	<b>PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>	<b>28</b>
<b>FASAL 27</b>	<b>TAFSIRAN PERLEMBAGAAN</b>	<b>28</b>
<b>FASAL 28</b>	<b>PEMBUBARAN</b>	<b>29</b>
<b>FASAL 29</b>	<b>NOTIS PANGGILAN MESYUARAT JAWATANKUASA</b>	<b>29</b>



## **FASAL 1 NAMA PERTUBUHAN**

- 1.1 Nama Pertubuhan ini ialah **“PARTI KESEJAHTERAAN INSAN TANAH AIR”** yang ringkasnya disebut **“KITA”**, yang selepas ini boleh juga dirujuk di dalam ini sebagai **“Parti”** dan/atau **“KITA”**.

## **FASAL 2 PEJABAT BERDAFTAR**

- 2.1 Pejabat Berdaftar Parti bertempat di:

B-2-19 Merchant Square  
Jalan Tropicana Selatan Satu  
PJU 3  
47410 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## **FASAL 3 COGAN PERJUANGAN**

- 3.1 Cogan Perjuangan Parti ialah:

**MODERAT • DEMOKRATIK • LIBERAL**



## FASAL 4 LAMBANG DAN BENDERA



### 4.1 Reka bentuk (Lambang)

4.1.1 Lambang dan bendera parti berupa segi empat tidak sama berwarna oran (kod warna M60 Y100) dengan kadar ukuran 5 unit x 3 unit.

4.1.2 Di dalamnya terdapat grafik berwarna putih menyerupai dua belah tangan sekali gus membentuk peta Malaysia.

4.1.3 Di antara grafik yang menyerupai dua belah tangan dan yang sekali gus membentuk peta Malaysia itu terdapat tulisan “KITA” berwarna putih.

### 4.2 Pengertian Lambang

4.2.1 Grafik yang menyerupai dua belah tangan dan sekaligus membentuk peta Malaysia melambangkan kesatuan seluruh negara Malaysia dan melambangkan rakyat bersatu memelihara serta melindungi negara daripada sebarang ancaman luar.

4.2.2 Warna oren (kod warna M60Y100) bermaksud kesejahteraan untuk semua kaum dalam suasana kehidupan yang harmonis.

4.2.3 Warna putih bermaksud keikhlasan perjuangan membangun negara dan rakyat ke tahap yang lebih baik.

4.2.4 Perkataan “KITA” bermakna Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air.



## FASAL 5 TUJUAN / MATLAMAT

5.1 Berjuang ke arah perpaduan tulen bangsa Malaysia yang berpaksikan sikap toleransi, saling menerima dan menghormati antara satu sama lain; berusaha meningkatkan sikap saling mempercayai dan menghidupkan kembali semangat muhibah zaman Kemerdekaan 1957 dan zaman Pembentukan Malaysia 1963; mempertahankan serta menerima pakai prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai teras perjuangan politik tanah air.

5.2 Menyediakan wadah perjuangan politik yang berteraskan idealisme keluhuran, kejujuran, keikhlasan, progresif, sihat dan berprinsip; perjuangan yang mengambil kira kepentingan serta keperluan generasi muda; memperjuangkan idea-idea yang moderat, demokratik dan liberal dengan menghormati hak asasi semua individu serta kumpulan; perjuangan yang mengamalkan dan menerima hak sama rata semua rakyat yang berbagai kaum di negara ini seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa ada bentuk diskriminasi antara satu sama lain.

5.3 Menjamin keluhuran undang-undang; mengembalikan kuasa kehakiman kepada mahkamah bagi memastikan wujud sebuah badan kehakiman yang berintegriti dan bebas bagi menjamin hak rakyat terpelihara; memastikan wujud institusi awam seperti polis dan badan pencegahan rasuah yang bebas dan berintegriti; menentang dan membanteras rasuah dan salah guna kuasa dalam semua bentuk.

5.4 Memperjuangkan pelaksanaan dasar ekonomi pasaran bebas; dan pada masa yang sama menitikberatkan dasar-dasar yang memberikan peluang sama rata kepada rakyat jelata khususnya dasar-dasar yang berusaha ke arah membasmi kemiskinan; berusaha untuk menjayakan usahawan dan ahli perniagaan, selain memberi keutamaan kepada Bumiputera dan orang Asli yang berkemampuan dan berkebolehan.

5.5 Mempertahankan Perlembagaan negara, sistem kerajaan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan; menerima pakai dan menerapkan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai sejagat agama lain yang bersifat manusiawi dan progresif dalam pentadbiran negara.

5.6 Memperjuangkan dasar negara yang menitikberatkan nilai murni dalam pentadbiran (good governance), menjaga kepentingan kaum minoriti secara saksama; menjaga alam sekitar dan persekitaran yang mapan sambil meningkatkan pembangunan yang seimbang.

5.7 Menumpukan usaha mewujudkan sistem dan falsafah pendidikan yang bebas daripada pengaruh politik kepartian yang sempit; tetapi lebih kepada usaha meraih



dan meningkatkan ilmu pengetahuan yang luas; meneruskan pelaksanaan sistem pendidikan yang berpaksikan meritokrasi dengan menitikberatkan nilai, perubahan sikap, dan etika kerja yang kompetitif; mewujudkan ciri-ciri berdaya saing di peringkat nasional dan global demi kesejahteraan insan dan meningkatkan keinginan rakyat Malaysia untuk berdaya maju.

5.8 Memupuk kebebasan dan kemerdekaan media, memperkasa pertubuhan sivil, menjamin pilihan raya yang saksama dan bebas; mempertingkatkan martabat dan peranan wanita dalam kehidupan bermasyarakat; memperjuangkan hak dan pengembangan potensi belia dan remaja.



## FASAL 6 KEAHLIAN

6.1 Keahlian terbuka kepada individu warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, tanpa mengira jantina, etnik, agama atau kepercayaannya dengan syarat dia memenuhi kriteria keahlian yang ditetapkan oleh Parti.

6.2 Ahli boleh menyertai Parti dengan menjadi ahli di Cawangan di mana mereka bermastautin. Setiap negeri dan Wilayah Persekutuan hanya akan ada satu Cawangan sahaja. Bagi maksud Fasal ini, Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebahagian daripada Sabah.

6.3 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah memperoleh cadangan dan sokongan daripada dua (2) orang ahli dan dihantar, mengikut kaedah dan menggunakan peranti yang ditetapkan oleh Parti, kepada Setiausaha Cawangan. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan permohonan itu secepat mungkin kepada Jawatankuasa Keahlian Parti untuk pertimbangan. Parti boleh, mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa perlu memberi sebab-sebabnya. Permohonan menjadi ahli bagi tempat di mana Cawangan belum ditubuhkan hendaklah dikemukakan terus kepada Jawatankuasa Keahlian.

6.4 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan hendaklah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama yang ditetapkan sebelum diterima menjadi ahli Parti.

6.5 Seseorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Parti kecuali telah terlebih dahulu dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti berkenaan.

6.6 Tiap-tiap ahli, kecuali yang hilang haknya disebabkan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Fasal 7.3 Perlembagaan ini, berhak mengundi, diundi, memegang jawatan dan mengikuti program dan aktiviti Parti.

6.7 Permohonan keahlian boleh dibuat dengan menggunakan cara elektronik.





## **FASAL 7 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN**

7.1 Bayaran masuk keahlian dan yuran ahli yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:

7.1.1 Bayaran masuk RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh);

7.1.2 Yuran tahunan RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh).

7.2 Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari Cawangan selewat-lewatnya pada 31hb Mac setiap tahun. Jika Cawangan belum ditubuhkan, pembayaran hendaklah disampaikan kepada Bendahari Pusat.

7.3 Ahli yang membiarkan yuran tahunannya tertunggak selepas 31hb Mac boleh diberi notis peringatan mengikut cara yang ditetapkan oleh Parti, dan boleh dilucutkan hak-hak sebagai ahli sehinggalah segala tunggakannya dijelaskan.

7.4 Kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Jawatankuasa Eksekutif Pusat.

## **FASAL 8 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

8.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Parti hendaklah menyatakan kehendaknya secara bertulis kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pemberhentian.

8.2 Keahlian terhenti apabila berlaku mana-mana satu yang berikut-

8.2.1 Ahli berkenaan meminta berhenti menurut Fasal 8.1 di atas;

8.2.2 Dipecat oleh Jawatankuasa Disiplin dan Jawatankuasa Eksekutif Pusat menolak rayuannya menurut Fasal 16.9;

8.2.3 Mengisytiharkan keluar daripada Parti;

8.2.4 Lucut keahliannya menurut Fasal 7.3;

8.2.5 Menyertai atau menjadi ahli mana-mana parti politik lain di negara ini;

8.2.6 Hilang kewarganegaraannya.



## **FASAL 9      REKOD DAFTAR AHLI**

9.1 Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Pusat dan Setiausaha Cawangan menyelenggarakan rekod Daftar Ahli yang mengandungi butir-butir dan mengikut format dan menggunakan peranti yang difikirkan sesuai dari semasa.

9.2 Setiausaha Pusat berkuasa membuat sebarang kaedah berkenaan dengan sistem penyelenggaraan rekod Daftar Ahli.

9.3 Semua rekod Daftar Ahli hendaklah sentiasa disimpan oleh Setiausaha Pusat di Pejabat Berdaftar Parti dan oleh Setiausaha Cawangan di pejabat Cawangan dan ia akan digunakan dalam segala urusan rasmi Parti. Status rekod Daftar Ahli terkini yang disahkan oleh Setiausaha Pusat adalah rekod keahlian yang rasmi dan muktamad.

9.4 Setiausaha Pusat boleh, jika perlu, membekalkan sesalinan rasmi rekod keahlian sesebuah Cawangan kepada Setiausaha Cawangan berkenaan untuk semakan. Setiausaha Cawangan hendaklah sentiasa menyelaraskan rekod keahlian Cawangannya dengan rekod keahlian yang disenggarakan oleh Setiausaha Pusat mengikut kekerapan yang difikirkan patut.



## **FASAL 10                      PERSIDANGAN PERWAKILAN**

10.1 Persidangan Perwakilan Tahunan hendaklah diadakan pada setiap tahun dan mestilah diwakili oleh:

- 10.1.1      Perwakilan Cawangan yang dipilih menurut Fasal 10.2;
- 10.1.2      Anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat;
- 10.1.3      Anggota Jawatankuasa Cawangan; dan
- 10.1.4      Mana-mana ahli Parti yang dibenarkan oleh Pengerusi Persidangan Perwakilan untuk hadir di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan. Kebenaran hanya terhad kepada kehadiran tanpa hak mengundi.

10.2 Perwakilan Cawangan ke Persidangan Perwakilan Tahunan hendaklah dipilih setiap tahun oleh Cawangan masing-masing. Sesebuah Cawangan berhak memilih seorang (1) perwakilan bagi setiap seratus (100) ahli dengan syarat jumlah perwakilan bagi sesebuah Cawangan itu tidak boleh melebihi tiga puluh (30) perwakilan.

10.3 Kuorum untuk Persidangan Perwakilan Tahunan ialah 300 perwakilan mengikut Fasal 10.1.1, 10.1.2 dan 10.1.3 atau sepuluh (10) kali ganda bilangan anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat, mengikut mana yang kurang.

10.4 Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan untuk Persidangan Perwakilan Tahunan maka Persidangan Perwakilan Tahunan itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh lain (tidak lebih daripada enam puluh (60) hari) sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat; dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk Persidangan Perwakilan Tahunan yang ditangguhkan itu maka berkuasalah perwakilan-perwakilan yang hadir menjalankan Persidangan Perwakilan Tahunan pada hari itu tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan Parti dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli.

10.5 Persidangan Perwakilan Tahunan hendaklah diadakan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada bulan April (tahun berikutnya), pada tarikh, masa, dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat, dan hendaklah memakai Peraturan Tetap Persidangan Perwakilan. Agenda Persidangan Perwakilan Tahunan ialah:

- 10.5.1      Menerima laporan Jawatankuasa Eksekutif Pusat berkenaan perjalanan Parti di dalam tahun yang lalu;
- 10.5.2      Menerima laporan Bendahari Pusat dan penyata kewangan yang telah diaudit oleh Juruaudit bagi tahun yang lalu;



- 10.5.3 Memilih, setiap tiga (3) tahun sekali, dua puluh satu (21) orang anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat kecuali Pengerusi Parti, Setiausaha Pusat, Bendahari Pusat, dan Ketua Penerangan Pusat;
- 10.5.4 Melantik dua (2) orang Juruaudit untuk tahun kewangan akan datang;  
Tiga (3) tahun yang dimaksudkan di dalam Fasal ini hendaklah dikira bermula dari 1 Januari 2011.
- 10.5.5 Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan tahun berkenaan.

10.6 Pemberitahuan mengenai Persidangan Perwakilan Tahunan yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat, dan panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan, cadangan untuk meminda Perlembagaan (jika ada), dan pencalonan untuk pemilihan anggota-anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (pada tahun yang telah ditetapkan ada pemilihan), hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Pusat kepada tiap-tiap Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Persidangan Perwakilan Tahunan. Pemberitahuan ini juga hendaklah dipaparkan di Pejabat Berdaftar Parti /di pejabat Cawangan dan/atau laman web Parti.

10.7 Nama-nama perwakilan, pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai (pada tahun yang telah ditetapkan ada pemilihan), dan cadangan untuk dibincangkan di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan, hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan supaya sampai kepada Setiausaha Pusat tidak lewat daripada empat puluh (40) hari selepas penerimaan pemberitahuan mengenai Persidangan Perwakilan Tahunan .

10.8 Setiausaha Pusat hendaklah menghantar kepada Setiausaha Cawangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum diadakan Persidangan Perwakilan Tahunan, kertas persidangan yang mengandungi agenda persidangan yang hendak diadakan, salinan minit Persidangan Perwakilan Tahunan dan laporan aktiviti Parti bagi tahun sebelumnya, cadangan dan pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai (pada tahun yang telah ditetapkan ada pemilihan), dan penyata kewangan Parti bagi tahun lalu yang telah diaudit. Kertas persidangan ini hendaklah diberikan kepada tiap-tiap perwakilan Cawangan dan kertas persidangan tersebut juga boleh dibaca oleh ahli-ahli di Pejabat Berdaftar Parti atau di pejabat-pejabat Cawangan dan/atau di laman web Parti.

10.9 Persidangan Perwakilan Khas Parti ini boleh diadakan:

- 10.9.1 Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat; atau



10.9.2 Atas permintaan bertulis lima puluh satu peratus (51%) ahli Parti dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab hendak mengadakannya.

10.10 Persidangan Perwakilan Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada suatu tarikh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permintaan Persidangan Perwakilan Khas itu.

10.11 Pemberitahuan dan agenda untuk Persidangan Perwakilan Khas itu hendaklah diedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan oleh Setiausaha Pusat sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk Persidangan Perwakilan Khas itu.

10.12 Fasal 10.3 dan 10.4 Perlembagaan ini berkenaan kuorum dan penangguhan Persidangan Perwakilan Tahunan boleh digunakan untuk Persidangan Perwakilan Khas tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Persidangan Perwakilan Khas yang hendak dibuat atas permintaan perwakilan Cawangan, maka Persidangan Perwakilan Khas itu hendaklah dibatalkan, dan tidak boleh sesuatu Persidangan Perwakilan Khas yang dipohon dengan tujuan yang sama diadakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh itu.

10.13 Setiausaha Pusat hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan salinan minit tiap-tiap Persidangan Perwakilan Tahunan dan Persidangan Perwakilan Khas dengan seberapa segera setelah selesainya Persidangan Perwakilan Tahunan dan/atau Khas itu.



## **FASAL 11                      JAWATANKUASA EKSEKUTIF PUSAT**

11.1 Jawatankuasa Eksekutif Pusat (selepas ini boleh dirujuk sebagai “JEP”) adalah badan pentadbiran tertinggi Parti. Segala keputusan yang dibuat oleh JEP adalah sah dan muktamad selagi ia mengikut Perlembagaan Parti.

11.2 Jawatankuasa Eksekutif Pusat terdiri daripada tiga puluh (30) anggota yang merupakan pegawai-pegawai Parti:

- 11.2.1      Seorang Ketua Parti (dipilih di bawah Fasal 11.3.1);
- 11.2.2      Seorang Pengerusi Parti (dipilih oleh JEP di bawah Fasal 11.3.2);
- 11.2.3      Seorang Setiausaha Pusat (dilantik di bawah Fasal 11.3.3);
- 11.2.4      Seorang Bendahari Pusat (dilantik di bawah Fasal 11.3.3);
- 11.2.5      Seorang Ketua Penerangan Pusat (dilantik di bawah Fasal 11.3.3);
- 11.2.6      20 Anggota JEP (dipilih di bawah Fasal 10.5.3); dan
- 11.2.7      5 Anggota JEP (dilantik di bawah Fasal 11.3.4).

11.3 Anggota-anggota JEP yang dinyatakan dalam Fasal 11.2 di atas akan seterusnya melaksanakan perkara yang berikut:

- 11.3.1      Kesemua dua puluh satu (21) anggota JEP yang dipilih di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan hendaklah kemudiannya memilih dan melantik dari kalangan mereka seorang Ketua Parti selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas Persidangan Perwakilan Tahunan tersebut. Pemilihan Ketua Parti ini hendaklah dijalankan secara undi rahsia dan jawatan Ketua Parti hendaklah dipegang oleh anggota JEP yang mendapat jumlah undi tertinggi.
- 11.3.2      Memilih seorang Pengerusi Parti. Pengerusi Parti tidak berhak mengundi dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat.
- 11.3.3      Ketua Parti berhak melantik seorang Setiausaha Pusat, seorang Bendahari Pusat, dan seorang Ketua Penerangan Pusat dari kalangan ahli-ahli Parti yang berkelayakan dan berkemampuan. Pengumuman pelantikan ini hendaklah dibuat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat, dan ketiga-tiganya tidak berhak mengundi di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat.



11.3.4 Ketua Parti berhak melantik lima (5) orang anggota tambahan JEP, dan kelima-limanya berhak mengundi di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat .

11.4 Ketua Parti hendaklah melantik lima (5) orang untuk menganggotai Biro Politik. Pelantikan adalah dari kalangan anggota JEP yang telah dipilih di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan .

11.5 Setiap anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat, sama ada yang dipilih atau dilantik akan memegang jawatan untuk tempoh selama tiga (3) tahun melainkan berhenti, diberhentikan oleh pihak yang melantik, dipecat, hilang upaya atau meninggal dunia.

11.6 Kekosongan keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif Pusat yang bukan dilantik di bawah Fasal 11.3.2 11.3.3 dan 11.3.4 hendaklah diisi oleh mana-mana ahli Parti yang dinamakan dan dipilih di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat dan pemilihan sedemikian berkuat kuasa sehingga Persidangan Perwakilan Tahunan yang akan datang yang ada pemilihan.

11.7 Jawatankuasa Eksekutif Pusat berkuasa, dengan kelulusan Pendaftar Pertubuhan, menubuhkan satu Cawangan mengikut Fasal 6.2.

11.8 Semua anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh dipilih atau dilantik semula (mengikut yang berkaitan).

11.9 Jawatankuasa Eksekutif Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan pada tarikh yang di tetapkan oleh Ketua Parti. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada anggota-anggota JEP selewat-lewatnya 7 (tujuh) hari sebelum tarikh mesyuarat. Tiga belas (13) anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat hadir adalah cukup kuorum bagi menjalankan mesyuarat iaitu separuh daripada jumlah JEP yang layak mengundi.

11.10 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Pusat dan mesyuarat tidak dapat diadakan, Setiausaha Pusat bolehlah mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Biro Politik, yang kemudiannya hendaklah mengangkat perkara berkenaan untuk makluman JEP.

11.11 Anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan atau tanpa pelepasan daripada Ketua Parti akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Eksekutif Pusat.



11.12 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh menubuhkan jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak, menetapkan fungsinya, dan melantik mana-mana ahli Parti atau anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat menjadi pengerusinya.

11.13 Jawatankuasa Eksekutif Pusat berkuasa membuat peraturan mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dengan khusus di dalam Perlembagaan ini asalkan ia tidak bercanggah dengan peruntukan nyata Perlembagaan ini termasuklah peraturan-peraturan mengenai pemilihan di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan/Khas dan Peraturan Tetap Persidangan Perwakilan serta penubuhan Biro Politik Parti.

## **FASAL 12 TUGAS PEGAWAI PUSAT**

### **12.1 Ketua Parti**

- 12.1.1 Pemimpin utama dan ketua eksekutif Parti dan bertanggungjawab ke arah terlaksananya Tujuan/Matlamat Parti dan kesempurnaan perjalanan Parti.
- 12.1.2 Memastikan Perlembagaan Parti dan peraturan serta ketetapan yang dibuat di bawahnya dipatuhi.
- 12.1.3 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat, dan mempunyai undi pemutus dalam mesyuarat berkenaan, dan boleh hadir dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa lain Parti.
- 12.1.4 Menandatangani minit mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat apabila telah diluluskan.
- 12.1.5 Mencadangkan calon-calon pilihan raya untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Calon Pilihan Raya.

### **12.2 Pengerusi Parti**

- 12.2.1 Memantau keseluruhan perjalanan pentadbiran Parti bagi menjamin kelancaran jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk atau ditubuhkan.
- 12.2.2 Memberi nasihat dan bimbingan kepada JEP dalam hal yang berkaitan.

### **12.3 Setiausaha Pusat**

- 12.3.1 Ketua Pentadbir Pejabat Berdaftar Parti, yang tiada kaitannya dengan hal kewangan Parti.





- 12.3.2 Melaksanakan keputusan Persidangan Perwakilan dan Jawatankuasa Eksekutif Pusat.
- 12.3.3 Setiausaha Pusat hendaklah menyelenggarakan buku Daftar Ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli.
- 12.3.4 Menghadiri semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.
- 12.3.5 Setiausaha Pusat hendaklah dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Persidangan Perwakilan Tahunan diadakan mengirimmkan penyata tahunan Parti (termasuk penyata tahunan Cawangan-Cawangan) kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966 (Akta 335).
- 12.3.6 Setiausaha Pusat berkuasa memperturunkan kuasanya kepada mana-mana ahli yang beliau lantik untuk mewakilinya menjalankan tugas dan kewajipannya.

#### 12.4 Bendahari Pusat

- 12.4.1 Bertanggungjawab melaksanakan dasar dan peraturan kewangan Parti sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kewangan.
- 12.4.2 Bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan untuk diperiksa oleh Juruaudit yang dipilih oleh Persidangan Perwakilan Tahunan dan jika perlu, oleh Juruaudit Bertauliah yang dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat.
- 12.4.3 Bertanggungjawab membentangkan Penyata Kewangan Tahunan Parti di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan.
- 12.4.4 Melaporkan kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat.
- 12.4.5 Bendahari Pusat berkuasa memperturunkan kuasanya kepada mana-mana ahli yang beliau lantik untuk mewakilinya menjalankan tugas dan kewajipannya.
- 12.4.6 Mmpengerusikan Jawatankuasa Kewangan Parti.

#### 12.5 Ketua Penerangan Pusat

- 12.5.1 Menjalankan aktiviti dan program memberi penerangan kepada ahli Parti.
- 12.5.2 Menjalankan aktiviti dan program latihan ahli.



12.5.3 Tugas lain yang diberikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat dari semasa ke semasa.

#### 12.6 Anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (yang lain)

12.6.1 Membantu Jawatankuasa Eksekutif Pusat dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

12.6.2 Jawatankuasa Eksekutif Pusat berkuasa melantik mana-mana anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat untuk mewakilinya dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkannya.

#### 12.7 Pengerusi Persidangan Perwakilan

12.7.1 Mempengerusikan Persidangan Perwakilan Tahunan dan Persidangan Perwakilan Khas.

## **FASAL 13 JURUAUDIT**

13.1 Pemilihan dua (2) orang Juruaudit di bawah Fasal 10.5.4 tidak boleh dari kalangan ahli yang memegang apa-apa jawatan dalam Parti.

13.2 Juruaudit dikehendaki memeriksa kira-kira Parti bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Persidangan Perwakilan Tahunan. Juruaudit juga boleh dikehendaki pada bila-bila masa oleh Bendahari Pusat mengaudit kira-kira Parti bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat.

## **FASAL 14 HARTA DAN PEMEGANG AMANAH**

14.1 Parti boleh memiliki, mengurus dan menyelenggarakan harta alih dan tak alih, dan boleh melabur di mana-mana yang difikirkan sesuai oleh JEP.

14.2 Semua harta tak alih kepunyaan Parti yang berupa tanah dan bangunan hendaklah didaftarkan atas nama Parti atau orang yang diamanahkan sebagai Pemegang Amanah untuk Parti. Pemegang Amanah Parti hendaklah dilantik menurut Seksyen 25 Akta Pertubuhan, 1966 (Akta 335).

14.3 Pemegang Amanah hendaklah menandatangani Surat Ikatan Amanah.



14.4 Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan milik harta kepunyaan Parti dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Persidangan Perwakilan.

14.5 Seseorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Persidangan Perwakilan oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, peletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pemegang Amanah, maka kekosongan itu bolehlah diisi oleh Pemegang Amanah yang baru dilantik di dalam Persidangan Perwakilan.



## FASAL 15 JAWATANKUASA KEWANGAN

15.1 Maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang mengurus dan mentadbir perjalanan kewangan yang dinamakan “JAWATANKUASA KEWANGAN” di Pejabat Berdaftar.

15.2 Jawatankuasa Kewangan mestilah dianggotai oleh:

- 15.2.1 Bendahari Pusat, sebagai pengerusi; dan daripada mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Ketua Parti
- 15.2.2 Dua (2) orang yang dilantik oleh Ketua Parti.

15.3 Jawatankuasa Kewangan bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan untuk dipatuhi oleh Bendahari Pusat dan mestilah memasukkan dasar dan peraturan yang berikut:

- 15.3.1 Semua wang Parti mesti dimasukkan ke dalam akaun bank yang disenggarakan dengan bank yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kewangan. Bendahari Pusat hanya dibenarkan menyimpan wang tunai runcit (petty cash) tidak melebihi RM3,000.00. Wang sedemikian mestilah disimpan di tempat yang selamat di dalam Pejabat Berdaftar untuk kegunaan perbelanjaan runcit Parti.
- 15.3.2 Wang Parti boleh dibelanjakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan, termasuk belanja pentadbiran, bayaran gaji, pembiayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah pemeriksa kira-kira Parti. Wang itu tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhi hukuman oleh Mahkamah.
- 15.3.3 Semua wang Parti hendaklah disimpan atas nama Parti di dalam bank yang dipersetujui oleh JEP dan kira-kira wang itu akan dikelolakan bersama-sama oleh Jawatankuasa Kewangan. Perbelanjaan yang melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu) pada sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran diperoleh terlebih dahulu daripada JEP dan perbelanjaan yang kurang daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan. Perbelanjaan yang lebih daripada RM200,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) perlu mendapat kelulusan daripada Persidangan Perwakilan.



15.3.4 Cek dan instrumen bank Parti mesti ditandatangani oleh tiga (3) orang yang terdiri dari kalangan anggota-anggota Jawatankuasa Kewangan.

15.4 Tahun kewangan bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

15.5 Pendapatan atau sumber-sumber kewangan adalah daripada:

15.5.1 Bayaran permulaan masuk menjadi ahli;

15.5.2 Yuran tahunan ahli pada tiap-tiap tahun;

15.5.3 Derma dan sumbangan. Kutipan derma boleh dilakukan selepas mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan dan organisasi berkaitan.

15.6 Jawatankuasa Kewangan boleh menetapkan peraturan kewangan untuk dipakai oleh Cawangan mengenai hal kewangan yang tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam Perlembagaan ini.

15.7 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh menetapkan peraturan kewangan untuk dipakai oleh Jawatankuasa Kewangan mengenai hal kewangan yang tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam Perlembagaan ini.

## **FASAL 16                      JAWATANKUASA DISIPLIN**

16.1 Maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang menangani isu disiplin ahli-ahli yang dinamakan “JAWATANKUASA DISIPLIN” di Pejabat Berdaftar.

16.2 Seseorang ahli disifatkan melanggar disiplin apabila dia tidak memperlihatkan, melalui kelakuan, tindak-tanduk dan kenyataannya:

16.2.1 Ketaatan dan kepatuhan kepada Tujuan/Matlamat Parti;

16.2.2 Ketaatan dan kepatuhan kepada Perlembagaan dan peraturan Parti, serta etika ahli;

16.2.3 Ketaatan dan kepatuhan kepada arahan-arahan Parti;

16.2.4 Tidak sentiasa menjaga rahsia-rahsia dan nama baik serta kesinambungan Parti;



16.2.5 Tidak menahan diri daripada melakukan sebarang perbuatan dan tingkah laku yang bertentangan serta bercanggah dengan kepentingan Parti dan yang boleh merugikan Parti; atau

16.2.6 Tidak patuh dan menghormati keputusan Parti.

16.3 Keanggotaan Jawatankuasa Disiplin Parti terdiri daripada:

16.3.1 Seorang pengerusi yang dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat;

16.3.2 Tiga (3) orang anggota biasa yang dilantik dari kalangan ahli yang berwibawa;

16.3.3 Seorang wakil Jawatankuasa Keahlian; dan

16.3.4 Setiausaha Pusat, *ex-officio* tiada hak mengundi

16.4 Jawatankuasa Disiplin boleh, atas inisiatifnya sendiri atau apabila menerima aduan daripada mana-mana ahli bahawa seseorang ahli itu telah melanggar disiplin Parti, menjalankan siasatan berhubung dakwaan pelanggaran disiplin itu mengikut peruntukan di dalam Fasal ini.

16.5 Dalam menjalankan siasatan, Jawatankuasa Disiplin berkuasa memanggil ahli yang mengadu, dan saksi-saksinya dari kalangan ahli Parti; meminta dan merakamkan keterangan daripada mereka.

16.6 Apabila meyakini berlaku pelanggaran disiplin, Jawatankuasa Disiplin hendaklah memberitahu ahli yang dituduh telah melanggar disiplin itu secara bersurat membentangkan fakta-fakta mengenai tuduhan yang dikenakan terhadapnya. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya, membawa saksi-saksinya dan untuk tujuan itu hendaklah diadakan perbicaraan, dan prosiding tersebut hendaklah dicatatkan di dalam minit.

16.7 Setelah melalui proses menurut Fasal 16.6 di atas, Jawatankuasa Disiplin boleh, apabila berdasarkan keterangan yang dikemukakan di hadapannya mendapati ahli itu bersalah kerana melanggar disiplin Parti, mengambil mana-mana satu tindakan yang berikut:

16.7.1 Memberi amaran selama tidak lebih daripada enam (6) bulan;

16.7.2 Menggantungkan keahlian dan hak-hak dalam Parti selama tidak lebih daripada sembilan (9) bulan; atau

16.7.3 Memecat terus daripada menjadi ahli Parti.



16.8 Seseorang ahli yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan atau hukuman yang dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat secara bertulis menyatakan alasan-alasannya dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan hukuman yang dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin dimaklumkan kepada ahli berkenaan.

16.9 Jawatankuasa Eksekutif Pusat hendaklah memanggil bicara dan membuat keputusan dengan segera ke atas rayuan itu. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat adalah muktamad.

16.10 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh menggubal peraturan bagi mengawal selia prosiding disiplin supaya dipakai oleh Jawatankuasa Disiplin.



## FASAL 17                    JAWATANKUASA KEAHLIAN

17.1 Maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai “JAWATANKUASA KEAHLIAN” yang dipengerusikan oleh seorang yang dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat. Jawatankuasa Keahlian berfungsi mengendalikan urusan memproses permohonan keahlian yang dikemukakan kepadanya oleh pemohon dan Setiausaha Cawangan.

17.2 Pengerusi Jawatankuasa Keahlian boleh melantik sejumlah tertentu ahli Parti untuk menganggotainya.

17.3 Bendahari Pusat adalah anggota *ex-officio* Jawatankuasa Keahlian atas sifat jawatannya tetapi dia tiada hak mengundi.

17.4 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh menetapkan peraturan untuk dipakai oleh Jawatankuasa Keahlian.

## FASAL 18                    JAWATANKUASA PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA

18.1 Maka hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai “JAWATANKUASA PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA” yang dipengerusikan oleh Ketua Parti, yang berfungsi menetapkan kriteria calon, menapis calon-calon, dan memilih calon-calon pilihan raya Parlimen dan Negeri.

18.2 Keanggotaan Jawatankuasa Pemilihan Calon Pilihan Raya ini terdiri daripada:

- 18.2.1     Ketua Parti, mempengerusikan;
- 18.2.2     Tiga (3) orang wakil Jawatankuasa Eksekutif Pusat;
- 18.2.3     Tiga (3) orang dari orang tempatan yang berpengaruh; dan
- 18.2.4     Setiausaha Pusat, *ex-officio*.





## **FASAL 19                    PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN**

19.1 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh membenarkan penubuhan sebuah sahaja Cawangan di sesebuah negeri atau Wilayah Persekutuan menurut Fasal 6.2 yang mempunyai sekurang-kurangnya seratus (100) orang ahli Parti. Penubuhan Cawangan berkuat kuasa setelah memperoleh kebenaran bertulis Pendaftar Pertubuhan.

19.2 Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh menggantung atau membubarkan Cawangan:

- 19.2.1      Jika bilangan ahli-ahli di Cawangan tersebut di dalam tempoh enam (6) bulan berturut-turut kurang daripada seratus (100) orang; atau
- 19.2.2      Jika Cawangan tidak mematuhi Perlembagaan Parti atau keputusan Persidangan Perwakilan atau Jawatankuasa Eksekutif Pusat atau jika Jawatankuasa Eksekutif Pusat mendapati Cawangan itu bersalah kerana perbuatannya mencemarkan Parti.

19.3 Keputusan menggantung atau membubarkan Cawangan hendaklah dengan undi terbanyak di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat, dengan syarat sebelum diambil keputusan menggantung atau membubarkan Cawangan atas sebab yang disebutkan di dalam Fasal 19.2.2 di atas, Cawangan yang berkenaan hendaklah diberi suatu notis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.

19.4 Perintah penggantungan atau pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pusat. Cawangan tidak boleh beroperasi mulai dari tarikh penerimaan perintah tersebut kecuali untuk urusan penyelesaian. Sebarang Cawangan yang musykil atas perintah penggantungan atau pembubaran itu boleh, dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Pusat di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan perintah tersebut, membuat rayuan kepada Persidangan Perwakilan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah penggantungan atau pembubaran masih berkuat kuasa sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang sedemikian Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh melantik sebuah jawatankuasa penjaga dari kalangan ahli-ahli untuk menguruskan perjalanan Cawangan itu sementara rayuan tersebut dipertimbangkan.

19.5 Jika sesebuah Cawangan dibubarkan kerana sebab yang disebutkan dalam Fasal 19.2 di atas, maka Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh memindahkan ahli-ahli yang ada ke Cawangan yang hampir sekali atau meletakkan ahli-ahli Cawangan tersebut sebagai ahli terus.



19.6 Adalah menjadi kewajipan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Cawangan itu untuk menyerahkan kepada Setiausaha Pusat segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh Cawangan berserta dengan penyata kira-kira Cawangan itu dari tarikh akhir penyata kira-kira itu dibentangkan sehingga tarikh perintah pembubaran.

19.7 Jika ahli-ahli sesuatu Cawangan memutuskan hendak keluar daripada Parti, maka pegawai-pegawai Cawangan itu mestilah dengan serta-merta menyerahkan kepada Setiausaha Pusat segala buku, rekod, wang dan harta-harta lain Parti dan seterusnya menyedia dan menyerahkan penyata kira-kira kepada Setiausaha Pusat seperti di dalam Fasal 19.6 di atas.

## **FASAL 20                    MESYUARAT CAWANGAN**

20.1 Mesyuarat Cawangan Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas menerima pemberitahuan awal mengenai Persidangan Perwakilan Tahunan yang meminta supaya dikeluarkan suatu pemberitahuan mengenai masa, tarikh dan tempat Mesyuarat Cawangan Tahunan akan diadakan.

20.2 Tugas-tugas Mesyuarat Cawangan Tahunan ialah untuk:

- 20.2.1 Menerima laporan Bendahari Cawangan dan Kira-kira Cawangan yang telah diaudit bagi tahun lepas;
- 20.2.2 Memilih perwakilan Cawangan ke Persidangan Perwakilan Tahunan setiap tahun menurut formula di dalam Fasal 10.2;
- 20.2.3 Memilih Jawatankuasa Cawangan dan Juruaudit Cawangan setiap tiga (3) tahun; dan
- 20.2.4 Membincangkan perkara-perkara lain yang akan dibentangkan.

20.3 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli Cawangan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Cawangan Tahunan suatu pemberitahuan awal yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat, panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan, dan pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai Cawangan dan perwakilan Cawangan ke Persidangan Perwakilan Tahunan (pada tahun yang telah ditetapkan ada pemilihan).

20.4 Pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan perwakilan Cawangan (pada tahun yang telah ditetapkan ada pemilihan) dan cadangan untuk perbincangan di dalam Mesyuarat Cawangan tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas penerimaan pemberitahuan awal mengenai Mesyuarat Cawangan itu.



20.5 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan Mesyuarat Cawangan Tahunan, satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit Mesyuarat Cawangan dan laporan berserta dengan penyata kira-kira Cawangan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan kertas-kertas itu juga mestilah dipaparkan di pejabat Cawangan untuk membolehkan ia dibaca oleh ahli-ahli.

20.6 Sekurang-kurangnya sepertiga ( $\frac{1}{3}$ ) daripada jumlah ahli Cawangan yang berhak mengundi atau 100 ahli Cawangan, mengikut mana yang kurang, hadir di dalam Mesyuarat Cawangan Tahunan adalah cukup kuorum untuk mesyuarat.

20.7 Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh lain (tidak lebih daripada tujuh (7) hari) yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan, dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

20.8 Suatu Mesyuarat Cawangan Khas hendaklah diadakan:

- 20.8.1 Atas arahan Jawatankuasa Pusat; atau
- 20.8.2 Apabila Jawatankuasa Cawangan memikirkannya mustahak; atau
- 20.8.3 Atas permintaan bertulis tidak kurang daripada lima puluh satu peratus (51%) ahli Cawangan dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.

20.9 Mesyuarat Cawangan Khas atas permintaan ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat tersebut.

20.10 Fasal 20.6 dan 20.7 di dalam Perlembagaan ini berkenaan kuorum dan penangguhan Mesyuarat Cawangan Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Cawangan Khas, tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Cawangan Khas atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan tidak boleh diadakan Mesyuarat Cawangan Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh itu.



20.11 Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Cawangan Tahunan/Khas kepada Setiausaha Pusat dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

20.12 Peraturan Tetap Persidangan Perwakilan dengan ubahsuaian (jika perlu) hendaklah diterima pakai bagi perjalanan Mesyuarat Cawangan.

## **FASAL 21                    JAWATANKUASA CAWANGAN**

21.1 Sebuah Jawatankuasa Cawangan seperti berikut yang akan dikenali sebagai pemegang jawatan Cawangan, hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Cawangan Tahunan, atau dilantik oleh Pengerusi Cawangan (mengikut yang berkaitan), setiap tiga (3) tahun:

- 21.1.1        Seorang Pengerusi Cawangan - dipilih.
- 21.1.2        Seorang Setiausaha Cawangan- dilantik oleh Pengerusi Cawangan.
- 21.1.3        Seorang Bendahari Cawangan – dilantik oleh Pengerusi Cawangan.
- 21.1.4        Seorang Ketua Penerangan Cawangan – dilantik oleh Pengerusi Cawangan.
- 21.1.5        Tujuh (7) orang anggota Jawatankuasa Cawangan – dipilih.
- 21.1.6        Dua (2) orang Juruaudit – dipilih.

21.2 Nama-nama untuk jawatan yang dipilih di atas kecuali Setiausaha Cawangan, Bendahari Cawangan dan Ketua Penerangan Cawangan hendaklah dibuat melalui cadangan dan sokongan dan pemilihan hendaklah dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Cawangan Tahunan yang ada pemilihan. Setiap pemegang jawatan boleh dipilih atau dilantik semula untuk memegang jawatan.

21.3 Tugas Jawatankuasa Cawangan ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Cawangan mengikut Perlembagaan Parti dan arahan-arahan Jawatankuasa Eksekutif Pusat dan Persidangan Perwakilan. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan cukup kuorum jika lima (5) orang daripada anggota Jawatankuasa Cawangan hadir. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan sesalinan minit tiap-tiap mesyuarat kepada Setiausaha Pusat tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas mesyuarat itu diadakan.



## **FASAL 22 TUGAS PEGAWAI CAWANGAN**

22.1 Pengerusi Cawangan dalam tempoh memegang jawatannya akan menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Cawangan dan semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani minit-minit mesyuarat setelah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Cawangan bersama-sama dengan Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan.

22.2 Setiausaha Cawangan hendaklah menjalankan kerja-kerja Cawangan mengikut Perlembagaan ini dan ia hendaklah menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Cawangan dan mesyuarat Jawatankuasa Cawangan. Ia bertanggungjawab menguruskan hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat Cawangan dan membuat catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Cawangan bersama-sama dengan Pengerusi Cawangan dan Bendahari Cawangan.

22.3 Bendahari Cawangan bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Cawangan. Ia hendaklah mengurus dan menyimpan kira-kira mengenai urusan kewangan Cawangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

22.4 Ketua Penerangan Cawangan hendaklah membantu tugas Ketua Penerangan Pusat di peringkat Cawangan.

22.5 Anggota Jawatankuasa Cawangan yang lain hendaklah membantu Pengerusi Cawangan menjalankan sebarang tugas seperti yang diarahkan mengikut lunas Perlembagaan Parti.

## **FASAL 23 KEWANGAN CAWANGAN**

23.1 Semua wang yang dikutip di Pejabat Berdaftar (Ibu Pejabat) dan Cawangan-Cawangan Parti akan menjadi aset bersama Parti.

23.2 Persidangan Perwakilan Tahunan akan menentukan dari semasa ke semasa peratusan kadar yuran yang akan disimpan di Cawangan sebagai Kumpulan Wang Cawangan dan akan menetapkan jenis-jenis perbelanjaan yang akan menggunakan wang Cawangan.



23.3 Tiap-tiap Bendahari Cawangan akan menyampaikan kepada Bendahari Pusat sebelum 15hb. tiap-tiap bulan yuran-yuran yang diterima oleh Cawangan setelah ditolak peratusan yang disimpan sebagai Kumpulan Wang Cawangan.

23.4 Bendahari Cawangan akan juga menyampaikan kepada Bendahari Pusat sebelum 15hb. tiap-tiap bulan suatu penyata pendapatan dan perbelanjaan Cawangan bagi bulan lepas.

23.5 Semua wang Cawangan hendaklah disimpan di atas nama Cawangan di dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Cawangan dan kira-kira wang itu akan dikelolakan bersama-sama oleh Pengerusi Cawangan, Bendahari Cawangan dan Setiausaha Cawangan. Bendahari Cawangan dibenarkan menyimpan wang di dalam tangan sebanyak tidak lebih daripada RM1000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) pada suatu masa. Perbelanjaan yang melebihi RM2000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) pada suatu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran diperoleh terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Cawangan dan perbelanjaan yang kurang RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) bagi suatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi Cawangan bersama-sama dengan Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan. Perbelanjaan yang lebih daripada RM5000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Cawangan.

23.6 Semua wang, buku dan harta-harta lain milik Parti yang dipegang oleh mana-mana Cawangan yang telah dibubarkan hendaklah diserahkan dengan segera oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Pusat, bersama-sama dengan penyata kira-kira.

## **FASAL 24                      PERUNTUKAN AM MENGENAI CAWANGAN**

24.1 Jika tiada peruntukan khas yang disebut di dalam Perlembagaan ini bagi perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran Cawangan-Cawangan Parti, undang-undang yang berkenaan mengenai pentadbiran Pejabat Berdaftar (Ibu Pejabat) Parti hendaklah diikuti setakat yang sesuai.

24.2 Persidangan Perwakilan dan Jawatankuasa Eksekutif Pusat akan memberi arahan kepada Mesyuarat Cawangan atau Jawatankuasa Cawangan mengenai pentadbirannya.



## **FASAL 25                      GABUNGAN**

25.1 Parti ini boleh bergabung dengan mana-mana parti di Malaysia atas nama “GABUNGAN KITA” atau atas apa-apa nama lain berdasarkan terma yang difikirkan patut dan wajar oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat.

## **FASAL 26                      PINDAAN PERLEMBAGAAN**

26.1 Perlembagaan Parti ini boleh diubah suai atau dipinda melalui ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) perwakilan yang hadir di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan atau Persidangan Perwakilan Khas. Permohonan untuk perubahan dan pindaan Perlembagaan Parti hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan meminda Perlembagaan itu diluluskan.

26.2 Satu ketetapan yang mengandungi cadangan mengubah suai atau meminda Perlembagaan ini hendaklah terlebih dahulu dihantar kepada Setiausaha Pusat tidak kurang empat belas (14) hari sebelum tarikh Persidangan Perwakilan.

26.3 Pindaan kepada Perlembagaan ini hanya boleh berkuat kuasa selepas mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 27                      TAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

27.1 Di antara berlangsung Persidangan Perwakilan Tahunan, maka mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada peruntukan Perlembagaan dan peraturan yang dibuat di bawahnya dan apabila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung atau yang samar-samar di dalam Perlembagaan ini atau kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

27.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan, maka keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat ke atas ahli-ahli adalah muktamad, jika tidak diubah oleh keputusan Persidangan Perwakilan Tahunan .



## **FASAL 28                      PEMBUBARAN**

28.1 Parti ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli yang layak hadir dalam suatu Persidangan Perwakilan Khas.

28.2 Sekiranya Parti hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Parti yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Persidangan Perwakilan Khas berkenaan.

28.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.

## **FASAL 29                      NOTIS PANGGILAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

29.1 Kecuali diperuntukkan selainnya dengan nyata, mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat dan mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa lain Parti hendaklah setiausahanya masing-masing mengemukakan Notis Panggilan kepada anggota jawatankuasa masing-masing dalam tempoh tidak kurang daripada tiga (3) hari sebelum mesyuarat itu diadakan kecuali mesyuarat khas (tergempar), yang bolehlah dikemukakan Notis Panggilan dalam masa dua puluh empat (24) jam.

Disahkan oleh:

.....  
**MOHD ZAID BIN IBRAHIM**

Presiden

.....  
**MOHD ADNAN BIN IBRAHIM**

Setiausaha Agung



**Diterbit Desember 2010**